



Headline: Rugi diperdaya 'ASP Mokhtar'

Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 13 November 2020

Section: Dalam Negeri
Page: 30



**MOHD. WAZIR
MOHD. YUSOF**

Rugi diperdaya 'ASP Mokhtar'

TEMERLOH: Semua wang simpanan RM29,550 milik warga emas berusia 76 tahun lesap selepas diperdaya sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, kejadian bermula apabila mangsa menerima panggilan telefon 8 November lalu.

"Mangsa terima panggilan telefon daripada individu memperkenalkan diri sebagai wakil Pos Laju dan memaklumkan terdapat bungkusan atas namanya yang tidak dituntut.

"Suspek menyambungkan talian kepada individu menyamar sebagai 'ASP Mokhtar' yang banyak bertanya mangsa tentang maklumat akaun bank," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Katanya, 'ASP Mokhtar' memaklumkan warga emas itu terlibat kes pengubahan wang haram dan akaun bank miliknya dibekukan jika tidak memberi kerjasama.

Katanya, suspek juga memaklumkan wang dalam akaun simpanan warga emas itu perlu dipindahkan ke dalam akaun lain bagi tujuan siasatan.

"ASP Mokhtar menyuruh mangsa mengeluarkan semua wang di dalam akaunnya dan dipindahkan ke dalam akaun milik individu tidak dikenali.

"Suspek juga memaklumkan mangsa supaya tidak memberitahu perkara itu kepada orang lain," katanya.